

1001 Masalah

Abu Al-Mukhtar Sedia Menjawab



Mukjizat-mukjizat Rasulullah

Sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam

Saudara Hasan bin Abdullah, Temerloh Pahang, bertanya:

Tentang mukjizat-mukjizat Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, betulkah Baginda hanya satu sahaja mukjizatnya iaitu al-Qur’ān al-Karīm, kerana begitulah pendapat setengah orang.

Jawab

Mukjizat Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, bukan sahaja Kitab Suci al-Qur’ān al-Karīm tetapi banyak lagi selain daripada itu.

Mukjizat-mukjizat ini ada yang disebutkan di dalam al-Qur’ān al-Karīm dan ada pula yang tersebut di dalam hadith-hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dan lain-lain lagi.

Setengah daripada mukjizatnya yang tersebut di dalam al-Qur’ān ialah peristiwa Israk dan Mikraj. Kejadian ini sudah tentu luar biasa dan “mencari adat”.

Di dalam sūrat al-Isrā’, dengan tegas dinyatakan oleh Allah *Subḥānahu wa Ta ‘ālā* bahawa Junjungan kita Muḥammad ‘alayhi al-ṣalātu wa al-salām telah dibawa Israk (berjalan pada malam hari) dari Masjidil Haram Makkah al-Mukarramah ke Baitul Maqdis di Palestin. Di dalam hadith-hadith Bukhārī dan Muslim telah dijelaskan dengan panjang lebar bahawa Baginda pada malam itu juga telah dibawa Mikraj (naik) ke langit menembusi tujuh petala langit dan mengatasi Sidrah al-Muntahā. Keterangan hadith-hadith telah disokong oleh al-Qur’ān

sebagaimana yang tersebut di dalam sūrat al-Najm yang memperikan bahawa baginda telah melihat Jibrīl sekali lagi di sisi “Sidrah al-Muntahā”. Sedang Sidrah al-Muntahā ini menurut keterangan hadith terletak di atas langit yang ketujuh.

Semuanya ini ialah kenyataan yang tegas yang tidak akan diingkari oleh orang-orang yang beriman.

Di dalam al-Qur’ān juga ada diterangkan tentang satu mukjizat lagi, iaitu setelah Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* menjalankan segala usaha ikhtiar lalu melengkapkan tenteranya menentang kaum Musyrikin yang datang melanggar Madinah, dan kedua pihak – Islam dan kafir – bertemu di medan perang Badar, maka Baginda pun memohonkan pertolongan Allah yang Maha Kuasa, lalu turun malaikat membantu tentera Islam yang sedang bertempur dengan musuh-musuh Islam itu. Mukjizat ini yang tersebut di dalam sūrat al-Anfāl telah digambarkan oleh Allah Ta‘ālā dengan firman-Nya:

“Idh tastaghithūna rabbakum fa istajāba lakum annī muniddukum bi alfin mina al-malā’ ikati murdīfīn.

“Wa mā ja‘alahu Allāhu illā bushrā wa li ta‘fīna ḫinna bihī qulūbukum wa mā al-naṣru ilā min ‘inda Allāh, inna Allāha ‘azīzun ḥakīm.”

Ertinya: “Ingatlah tatkala kamu meminta pertolongan kepada Tuhan kamu, maka Ia perkenankan permohonan kamu, (katanya): Sesungguhnya Aku menolong kamu dengan seribu malaikat (yang turun) beriring-iringan.

“Dan Allah tiada menjadikan bantuan itu melainkan untuk menggembirakan dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya, dan tiada pertolongan melainkan (yang datangnya) dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Gagah lagi amat Bijaksana.”

Orang-orang yang beriman dahulu, sekarang dan seterusnya sudah tentu mengakui akan kebenaran kejadian ini kerana dia ialah mukjizat, tetapi orang-orang yang

berpenyakit di hatinya (syak dan ragu-ragu) kedapatan menolaknya dengan berbagai dalihan yang bersesuaian dengan akal mereka dan iktikad mereka yang cacat dan tergelincir.

Ini hanya sebagai contoh tentang mukjizat Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* yang tersebut di dalam al-Qur’ān. Banyak pula mukjizat-mukjizatnya yang tersebut perihalnya dalam hadith-hadith, yang kebanyakannya tersebut di dalam hadith-hadith al-Bukhārī dan Muslim, seperti mukjizatnya ‘*alayhi al-ṣalātu wa al-salām* terpancar air dari celah-celah jari tangannya, air yang sedikit menjadi banyak, makanan yang diuntukkan kerana empat lima orang: dapat mencukupi beratus-ratus orang disebabkan berkatnya junjungan kita, begitu juga doanya yang segera terkabul dan perkhabaran tentang perkara-perkara yang akan datang yang telah berlaku sesudah itu dan telah disaksikan kebenarannya sebagaimana yang telah dikhabarkannya.

Semuanya ini ialah kenyataan yang tak dapat diingkari dan telah termaktub di dalam lipatan kitab-kitab agama dan sejarah Islam yang menjadi pegangan.

Nabi-nabi yang terdahulu daripada junjungan kita masing-masing juga mempunyai mukjizat yang sesuai dengan zamannya. Di dalam Qur'an ada diceritakan tentang mukjizat-mukjizat atau perkara-perkara yang luar biasa yang telah berlaku atas diri nabi-nabi atau dilakukan oleh mereka. Seperti Nabi Ibrāhīm tidak terbakar atau tidak dimakan hangus oleh api, Nabi Mūsā dapat membelah laut dan menjadi sebatang jalan yang dilalui bersama-sama dengan pengikut-pengikutnya, dan Nabi ‘Isā menghidupkan orang yang sudah mati.

Jelasnya tentang mukjizat Rasulullah dan nabi-nabi yang terdahulu daripadanya telah dinyatakan oleh Allah dengan firman-Nya:

“Wa laqad arsalnā rusulan min qablika wa ja‘alnā lahum

azwājān wa dhurriyyatān wa mā kāna li rasūlin an ya‘tiya bi ayatīn illā bi idhni Allāh, li kulli ajalin kitāb, yamḥū Allāhu ma yashā‘u wa yuthbitu wa ‘indahū ummu al-kitāb.” (38-39, al-Rā‘d).

Ertinya: “Dan sesungguhnya kami telah mengutus beberapa rasul sebelum engkau dan kami jadikan bagi mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan, dan tiadalah (kuasa) bagi seseorang rasul mendatangkan satu mukjizat melainkan dengan izin Allah; bagi tiap-tiap ajal itu ada tulisannya (yang termaktub). Allah menghapuskan apa yang Ia kehendaki dan Ia menetapkan, dan di sisi-Nya jua *Umm al-Kitāb* (kitab yang mengandungi segala catitan).”

Oleh kerana Nabi Muḥammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* ialah penyudah segala nabi-nabi (*Khātim al-Nabiyīn*) maka kitab Allah al-Qur’ān yang diwahyukan Allah kepadanya menjadi mukjizat yang besar sekali dan tidak bertolok banding, bahkan kerana keistimewaan ini Allah *Subḥanahu wa Ta‘ālā* telah memerintahkan Junjungan kita mencabar orang-orang yang ingkarkan kebenarannya untuk mencipta satu “surah” sahaja sepertinya:

“....qu'l fa'tū bi sūratīn min mithlīh!...”

(38, Yūnus)

“Qul la‘in ijtagħama‘ti² al-insu wa al-jinnu ‘alā an ya‘tū bi mithlī hadhha al-Qur’āni lā ya‘tūna bi mithlīhi wa law kāna ba‘du hum li ba‘dīn zahīrā.” (88, al-Isrā’).

Ertinya: “....katakanlah (yā Muḥammad): Datangkanlah (buatlah) satu surah seperti (al-Qur’ān) ini.”

“Katakanlah (yā Muḥammad): Jika berhimpun manusia dan jin untuk mendatangkan (menciptakan) seperti Qur’ān ini, mereka tidak akan dapat mendatangkan sepertinya, walaupun setengah daripada mereka membantu setengahnya yang lain.”

Ṣadaqa Allāhu al-‘azīm.

¹ Teks yang dipetik bersalah dengan sumber. Ayat sebenar: “*qu'l fa'tū bi sūratīn mithlīh!*”

² Kesalahan ejaan teks asal. Ejaan yang sebenarnya ialah *ijtama‘ati*